

**TEKS UCAPAN  
Y.A.A. TUN RAUS SHARIF  
KETUA HAKIM NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
PUSAT MEDIASI MAHKAMAH TINGGI  
IPOH, PERAK**

**22 FEBRUARI 2018 (KHAMIS) / 3 PETANG  
KOMPLEKS MAHKAMAH TINGGI IPOH,  
PERAK**

**Y.A.A. Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop**

Hakim Besar Malaya

**Y.A. Dato' Sri Balia Yusof Haji Wahi**

Hakim Mahkamah Persekutuan merangkap

Hakim Pengurus Mahkamah Negeri Perak

**Y.A. Datuk Vernon Ong Lam Kiat**

Hakim Mahkamah Rayuan

**Y.A. Dato' Che Mohd. Ruzima Ghazali**

Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak

**Yang Berbahagia Datuk Samsudin bin Hasan**

Mantan Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh

**Yang Arif- Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Negeri Perak**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah Haji Mohd Tahar**

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

## **Barisan Pengurusan Tertinggi**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

## **Tuan Zulqarnain Hassan**

Pengarah Mahkamah Negeri Perak

## **Yang Berbahagia Dato' Rohana Abdul Malik**

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

## **Encik Surinder Singh anak lelaki Chain Singh**

Pengerusi

Jawatankuasa Peguam Negeri Perak

## **Wakil-wakil:**

*Malaysian Mediation Centre (MMC);*

Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit  
(MAMPU);

*Malaysian Development Investment Authority (MIDA);*

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia,

*Perak Chinese Chamber of Commerce and Industry;*

*Dewan Perniagaan India Perak*

Persatuan Am Insurans Am Malaysia,  
Persatuan Bank Malaysia,  
Persatuan Pengguna Perak  
Pegawai Kehakiman Negeri Perak  
Pegawai Undang-Undang Jabatan Peguam Negara  
Kakitangan Mahkamah Negeri Perak

Hadirin dan hadirat sekalian,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,**

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin-Nya, dapat kita sama-sama berkumpul pada petang ini sempena Majlis Perasmian Pusat Mediasi Mahkamah Negeri Perak di Kompleks Mahkamah Ipoh, Perak.
2. Kepada semua tetamu yang sudi melapangkan masa menghadiri majlis yang sangat bermakna ini, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

## **Hadirin yang saya hormati sekalian,**

3. Untuk makluman para hadirin sekalian bahawa Badan Kehakiman dalam tempoh hampir sepuluh tahun kebelakangan ini telah melalui satu reformasi bertujuan mengurangkan kes-kes yang tertunggak. Reformasi ini bermula pada akhir tahun 2008, apabila Tun Zaki Tun Azmi menjadi Ketua Hakim Negara. Alhamdulillah, dalam masa yang singkat, iaitu dalam tempoh tidak sampai tiga tahun, kita telah berjaya mengatasi masalah kes-kes tertunggak di Mahkamah di semua peringkat Mahkamah di Malaysia. Bank Dunia dalam Laporan Tahun 2011 telah memberi pujian atas program pengurangan kes-kes tertunggak dan mengesyorkan negara-negara yang menghadapi masalah yang sama, datang ke Malaysia untuk menggunakan methadologi yang digunakan di Malaysia.

4. Laporan Bank Dunia 2011 menyatakan:

***"The present study reviews a reform designed and implemented by the Malaysian Judiciary during the period from late 2008 to early 2011. Although conducted over a very short period, this reform has been able to produce results rarely reached even in programmes lasting two or three times as long. "***

***"The Malaysian Judiciary's recent programme offers an interesting model for other countries attempting a backlog and delay reduction programme, and in fact for those pursuing other goals in their reforms. The Malaysian model is not radical in its content so much as in its ability to follow best practices, something which few countries in its position manage to do".***

***"A further recommendation is that countries embarking on judicial reforms, especially, but not solely thus emphasising efficiency, take a closer look at the experience, if possible by visiting the Malaysian courts and talking with the participants.***

***The Malaysians designed their programme on the basis of many such visits, and the experience clearly paid off".***

5. Sebenarnya, antara penyumbang kepada kejayaan program kita adalah dengan memperkenalkan Mediasi dalam usaha kita mempercepatkan penyelesaian kes. Secara formal, mediasi mula diperkenalkan di Mahkamah-Mahkamah seluruh Malaysia pada tahun 2010 melalui Arahan Amalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2010. Arahan Amalan ini menyatakan, semasa pengurusan kes Hakim dan Majistret boleh mengarahkan pihak-pihak untuk menghadiri mediasi bagi mencapai penyelesaian kes selaras dengan peruntukkan Aturan 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Aturan 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.
6. Pada tahun 2013, satu lagi Arahan Amalan dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, iaitu Arahan Amalan Bilangan 2 Tahun 2013, di mana diwajibkan proses mediasi dilaksanakan bagi kes-kes tuntutan gantirugi berbangkit dari kes-kes kemalangan jalanraya di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Kemudiannya, melalui

Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2016, telah mengarahkan bahawa kes-kes di semua peringkat pengurusan kes, Mahkamah boleh mencadangkan pihak-pihak supaya melalui proses mediasi untuk mencapai penyelesaian kes berdasarkan peruntukan Aturan 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

7. Selari dengan Arahan Amalan- Arahan Amalan tersebut, pusat mediasi Mahkamah telah diwujudkan. Pusat mediasi yang pertama diwujudkan adalah di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur. Ianya dirasmikan pada 25 Ogos 2011 dikenali dengan nama Pusat Mediasi Mahkamah Kuala Lumpur atau **Kuala Lumpur Court Mediation Centre (KLCMC)**. Setahun kemudian, Pusat Mediasi Mahkamah Johor Bahru pula diwujudkan dan dikenali dengan nama **Johore Bahru Court Mediation Centre (JBCMC)**. Pusat mediasi ini dirasmikan pada 21 Disember 2012.
8. Selepas itu, Pusat Mediasi Mahkamah Shah Alam pula diwujudkan dan dikenali dengan nama **Shah Alam Court Mediation Centre (SACMC)**. Pusat mediasi ini telah dirasmikan pada 28 Februari 2014. Pada tahun 2017, iaitu pada 27 November 2017 saya telah merasmikan penubuhan



Pusat Mediasi Mahkamah Pulau Pinang atau **Penang Court Mediation Centre (PCMC)**.

9. Alhamdulillah, pada hari ini saya bersyukur dapat merasmikan Majlis Perasmian Pusat Mediasi Mahkamah Ipoh atau **Ipoh Court Mediation Centre (ICMC)**.
10. Pada kesempatan ini suka saya berkongsi statistik pusat mediasi yang saya nyatakan sebentar tadi.
11. Pertama, di Kuala Lumpur Court Mediation Centre (**KLCMC**).
  - (a) Di Mahkamah Tinggi, jumlah kes yang dibawa di KLCMC pada tahun 2017 adalah sebanyak 454 kes. Daripada jumlah tersebut, bilangan kes yang berjaya diselesaikan secara mediasi adalah sebanyak 192 kes iaitu 42%.
  - (b) Kes Mahkamah Sesyen yang dibawa di KLCMC pula adalah sebanyak 651 kes dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 311 berjaya diselesaikan secara mediasi iaitu 48%.

(c) Pencapaian yang hampir sama di Mahkamah Majistret, iaitu jumlah kes yang dibawa di KLCMC adalah sebanyak 430 kes. Daripada jumlah tersebut, 202 kes atau 47% berjaya diselesaikan secara mediasi.

12. Di Shah Alam Court Mediation Centre (**SACMC**) pada tahun 2017 pula menunjukkan perkembangan yang positif.

(a) Di Mahkamah Tinggi, jumlah kes yang dibawa ke pusat mediasi adalah sebanyak 282 kes. Daripada jumlah tersebut, 45% atau 126 kes berjaya diselesaikan.

(b) Statistik di Mahkamah Sesyen pula, sebanyak 659 kes dibawa dan sebanyak 381 atau 58 % kes berjaya diselesaikan secara mediasi.

(c) Pencapaian yang paling tinggi adalah di Mahkamah Majistret Shah Alam. Statistik di Mahkamah Majistret menunjukkan sebanyak 424 kes dibawa dan sebanyak 381 telah berjaya diselesaikan secara mediasi. Jumlah tersebut sungguh membanggakan kerana 90% kes yang didaftarkan telah berjaya diselesaikan secara mediasi.

13. Di Johor Bahru Court Mediation Centre (**JBCMC**), pada tahun 2017, statistik menunjukkan:
- (a) Di Mahkamah Tinggi, jumlah kes yang dibawa untuk mediasi adalah sebanyak 195 kes. Daripada jumlah tersebut, 85 kes atau 44% berjaya diselesaikan.
  - (b) Statistik di Mahkamah Sesyen pula, sebanyak 65 kes dibawa dan sebanyak 28 kes atau 43% kes berjaya diselesaikan; dan
  - (c) Di Mahkamah Majistret, pada tahun 2017, data menunjukkan sebanyak 420 kes dibawa ke pusat mediasi tetapi hanya 34 kes berjaya diselesaikan. (*"Something is not right in Johor Bahru. Yang Arif, Datuk Vernon needs to do something"*)
14. Tidak ada statistik dari Pusat Mediasi Mahkamah Pulau Pinang dapat saya kongsi kerana ia baru beroperasi tiga bulan yang lalu.

15. Berdasarkan statistik yang saya nyatakan sebentar tadi, jelaslah disini bahawa dengan penubuhan pusat mediasi ini, banyak kes yang dibawa ke pusat mediasi mahkamah dengan secara purata 40 hingga 50% kes-kes tersebut, berjaya diselesaikan tanpa melalui perbicaraan penuh. Saya berharap jumlah kes akan bertambah dan kejayaan kes diselesaikan melalui mediasi akan juga bertambah.
  
16. Perlu saya jelaskan bahawa kes-kes yang dibawa ke Pusat Mediasi ialah kes-kes yang tidak dikeluarkan dari sistem Mahkamah. Kes-kes tersebut masih dalam sistem Mahkamah dan apabila kes-kes dapat diselesaikan melalui mediasi, persetujuan akan direkodkan di dalam fail-fail kes berkenaan.
  
17. Saya percaya jika mediasi ini dapat dipraktikkan dengan jayanya, matlamat Badan Kehakiman untuk menyelesaikan kes mengikut tempoh masa yang ditetapkan dapat dicapai. Oleh itu, amatlah penting untuk menghayati dan memahami konsep Mediasi dan cara mana ia harus dipakai atau dipraktikkan. Jangan sesekali mediasi dijadikan penyumbang kepada kelewatan penyelesaian sesuatu kes. Jangan pula jadikan mediasi sebagai alasan penangguhan sesuatu kes. Misalnya, alasan "pihak-pihak sedang

berunding” dan kemudian diikuti alasan yang sama, yaitu “pihak-pihak masih berunding” dan kemudiannya “masih berunding”. Perkara seperti ini tidak wajar berlaku. Tarikh bicara yang telah ditetapkan tidak harus diubah atau ditangguhkan. Jika mediasi tidak berjaya, kes harus dibicarakan tanpa sebarang penangguhan.

18. Bercakap mengenai penangguhan, saya rasa sudah sampai masanya, setelah hampir 10 tahun Mahkamah memperkenalkan reformasi bagi menyelesaikan kes-kes Mahkamah yang tertunggak. Kita sama-sama wajar membuat ketetapan untuk memastikan "***certainty in the trial date***". *It means once a case is fixed, it should go without any application for postponement or adjournment. It is about time we adopt this culture of no postponement. Once a case is fixed, it must be heard.*
19. Berbalik kepada topik mediasi, saya percaya, jika kes-kes dapat diselesaikan secara mediasi, ia akan banyak membawa kebaikan. Pertamanya, pihak-pihak yang bertelingkah tidak akan bermusuhan berbanding dengan keputusan dibuat melalui perbicaraan. Dalam mediasi, tidak ada pihak yang menang atau

yang kalah. Kedua-dua pihak “menang”. Selain itu, ia menjimatkan masa Mahkamah kerana tidak akan berlaku perbicaraan, saksi-saksi dipanggil memberi keterangan dan sebagainya. Sudah tentu tidak akan berlaku rayuan apabila keputusan yang dibuat melalui mediasi. Jadi tidak akan ada keperluan menyediakan rekod rayuan. Ini dengan sendirinya mengurangkan kos litigasi. Sebab itulah Badan Kehakiman percaya, konsep mediasi ini amat perlu dipraktikkan. Dengan penubuhan Pusat Mediasi di Mahkamah Ipoh pada hari ini, ia akan dapat memberi khidmat yang sempurna kepada pihak-pihak yang hendak menggunakannya.

20. Pada kesempatan ini, saya menyeru peguam-peguam menyokong program mediasi ini dan menasihati anak guam masing-masing untuk memilih proses mediasi ini sebagai cara penyelesaian kes. Tambahan pula, program Mediasi Mahkamah ini, tiada sebarang bayaran. Ia adalah percuma dan Mediasi Mahkamah ini dikendalikan oleh Hakim dan pegawai kehakiman yang terlatih. Jika pihak-pihak ingin memanggil orang luar untuk menjadi mediator bagi kes-kes mereka, Mahkamah tidak ada halangan. Yang perlu, ianya perlulah dibuat sebelum kes

dibicarakan. Jika mediasi gagal, kes hendaklah didengar tanpa penangguhan.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

21. Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa yang berusaha menubuhkan pusat mediasi ini dan merancang untuk membuat majlis perasmiannya, atas bimbingan dan nasihat oleh:

- (a) Yang Arif Datuk Vernon Ong Lam Kiat, Hakim Mahkamah Rayuan, (*in charge of Mediation*)
- (b) Yang Arif Dato' Che Mohd Ruzima Ghazali, Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak; serta
- (c) Yang Berusaha Tuan Zulqarnain Hassan, Pengarah Mahkamah Negeri Perak.

22. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dan yang telah berkerja bersama-sama dalam menjayakan Majlis Perasmian Pusat Mediasi Mahkamah Ipoh, Perak pada hari ini.

23. Saya juga begitu terharu kerana ramai daripada badan kerajaan dan swasta serta NGO yang hadir pada hari ini untuk sama-sama memeriahkan dan yang paling penting menyokong inisiatif yang dibuat oleh Badan Kehakiman. Terima kasih jua saya ucapkan.

Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan Pusat Mediasi Mahkamah Ipoh, Perak. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.